

Anjur pameran rai ulang tahun ke-38 Transformers

Redzuan Muharam

redzuan.muharam@hmetro.com.my



(kiri) MIKE bersama Muhammad Anis Fakhri (dua kiri). FOTO GENES GULITAH

Seri Kembangan: Barisan lebih 350 figura robot Transformers yang dipamerkan pada program Pameran Pengumpul Transformers 2022 di pusat beli belah The Mines, di sini, hari ini, menarik minat orang ramai tidak mengira usia.

Lebih istimewa, kesemua figura bernilai ratusan ribu ringgit yang dipamerkan itu adalah koleksi peribadi pengumpul dan penganjur program, Muhammad Anis Fakhri Mohd Nesfu, 38, yang dibawa menaiki bas bersama rombongan kru terbabit dari Pulau Pinang.

Menurutnya, acara itu diadakan bagi meraikan ulang tahun ke 38 Transformers dan ia adalah yang kedua pada tahun ini selepas di Bukit Martajam, Pulau Pinang.

"Program diadakan selama dua hari bermula hari ini hingga esok dan semua figura yang dipamerkan adalah kepunyaan saya.

"Dua figura menarik adalah Haslab Unicorn setinggi 0.7 meter dan Robosen Optimus Prime yang boleh memberi respon mengikut arahan kita menerusi suara.

"Alhamdulillah, sambutan diterima setakat ini amat baik dan saya menganggarkan kehadiran seramai 5,000 hingga 6,000 pengunjung ke sini sehingga esok," katanya ketika ditemui Harian Metro selepas majlis perasmian di Centre Court, The Mines, di sini.

Muhammad Anis Fakhri berkata, matlamat program itu adalah untuk menghimpunkan peminat Transformers terutama yang menetap di sekitar Lembah Klang.

Katanya, dia juga mahu program dianjurkannya sebagai platform yang boleh mengeratkan hubungan sesama peminat dan pengumpul selain keluarga pencinta Transformers.

"Saya mula mengumpul figura Transformers sejak 2002 dan sudah menghabiskan kira-kira enam angka untuk hobi berkenaan.

"Saya tidak mahu jadi sekadar pengumpul tetapi cuba cari kepuasan dengan anjurkan sendiri program sendiri bagi mempelajari selok belok pengurusan acara walaupun latar belakang saya adalah dalam bidang kejuruteraan elektrik.

"Diharap, program ini dapat memberi inspirasi terutama kepada anak muda yang minat jadi pengumpul supaya bersungguh-sungguh dan dapatkan kerja yang baik jika mahu memiliki koleksi diinginkan.

Jika kena caranya, hobi mengumpul figura juga sebenarnya boleh menjana pendapatan dan dijadikan karier dan ia bersesuaian dengan slogan kita iaitu 'Next Level Hobby' katanya.

Sementara itu, Presiden Kelab Peminat Transformers Malaysia (TransMY), Mike Wong berkata, kehadirannya ke program berkenaan adalah untuk meraikan ulang tahun ke 38 Transformers dengan peminat lain dan menyokong usaha Muhammad Anis Fakhri yang juga rakan lamanya.

"Saya sendiri adalah pengumpul tegar sejak 1998 iaitu hampir 30 tahun lalu malah ada tiga rumah yang menempatkan figura berkenaan

"Kita memerlukan pelapis baru dan diharap program sebegini dapat memupuk minat dalam kalangan anak muda yang kini lebih terdedah dengan gajet.

"Tiada salahnya dengan gajet cuma mereka (anak muda) seharusnya perlu membesar dengan hobi sebegini untuk seimbangkan hidup," katanya.

Sementara itu, peminat Transformers, Muhammad Firdaus Mohd Nasri, 24, yang ditemui berkata, dia bukan pengumpul figura namun minat dengan karakter berkenaan sejak 2013.

"Sepupu yang memperkenalkan saya dengan Trasformers dan pernah juga menonton filemnya.

"Saya pernah datang ke program sama sebelum ini tetapi tetap teruja untuk hadir lagi menyaksikan pelbagai koleksi figura menarik yang dipamerkan.

"Bagi saya, program sebegini baik untuk keluarga malah tentunya mampu menarik minat kanak-kanak," katanya.

Disiarkan pada: Ogos 27, 2022 @ 8:39pm